



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

298 PEMILIK TERIMA KUNCI RESIDENSI WILAYAH KELUARGA MALAYSIA DESA SENTRALMAS

KUALA LUMPUR, 30 Mac 2022 – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) terus komited dalam menyediakan persekitaraan yang kondusif serta *liveable* bagi warga kota daripada semua lapisan masyarakat sejajar dengan tiga teras utama Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman (*inclusivity*), Kebersamaan (*common ground*) dan Kesyukuran (*contentment*). Justeru, dalam merealisasikan matlamat tersebut, KWP terus berkerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pemaju swasta untuk menyediakan rumah yang selesa dan selamat dengan harga yang mampu dimiliki.

Pada hari ini seramai 298 pemilik Residensi Wilayah Keluarga Malaysia Desa Sentralmas menerima kunci unit kediaman mereka yang disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Projek yang dibina di atas tanah berkeluasan 1.149 ekar dan menawarkan satu (1) blok bangunan berketinggian 32 tingkat sebanyak 298-unit kediaman pada harga RM230,000. Setiap unit mempunyai tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dengan keluasan 850 kaki persegi dan satu (1) petak tempat letak kereta berbumbung.

Residensi Desa Sentralmas juga menawarkan pelbagai kemudahan untuk penduduk seperti kolam renang, kawasan permainan kanak-kanak, kawalan keselamatan dan ruang dewan serbaguna. Di samping itu, Residensi ini juga menyediakan tempat bersantai di tingkat 8 yang boleh digunakan bagi aktiviti-aktiviti bersama keluarga dan juga jiran tetangga. Kedudukan lokasi Residensi Desa Sentralmas yang strategik dan mudah diakses melalui lebuh raya Kuala Lumpur – Seremban dan Lebuhraya East – West Link juga memudahkan akses penduduk kepada kemudahan di kawasan sekitar.

Kerajaan sentiasa melakukan penambahbaikan yang positif dalam memastikan kediaman yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan semasa rakyat dalam persekitaran yang lebih selesa, kondusif, mesra keluarga dan praktikal dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai sejajar dengan matlamat Aspirasi Keluarga Malaysia. Sejak tahun 2014 hingga Mac 2022, sebanyak 68,276 unit rumah Residensi Wilayah Keluarga Malaysia yang melibatkan 104 projek telah mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 buah projek adalah di Kuala Lumpur, 3 projek di Putrajaya dan 4 projek di Labuan.

Kementerian berharap inisiatif ini, dapat mengatasi isu kesukaran pemilihan rumah di Wilayah Persekutuan terutama sekali kepada golongan muda. Semoga projek ini dapat mejadikan Wilayah Persekutuan sebagai Wilayah yang Inklusif serta berdaya huni bagi semua lapisan masyarakat disamping memperkukuhkan *society safety net* rakyat, sejajar dengan matlamat Keluarga Malaysia.

**Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
30 Mac 2022**